

Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 157-169
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of The Size of the Arabic Vocabulary]

Azlia Cahyani Ngalawi¹ & Hakim Zainal¹

Abstrak

Kosa kata memiliki kedudukan yang istimewa dalam konteks penguasaan bahasa dan merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dan dikuasai oleh setiap pelajar sekiranya kita hendak melahirkan generasi yang berkemampuan untuk berkomunikasi secara lisan atau tulisan. Kosa kata merupakan elemen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak kira bahasa ibunda mahupun bahasa kedua. Banyak kaedah yang boleh digunakan dalam mengenal pasti kosa kata. Penguasaan lebih banyak jumlah kosa kata atau menguasai saiz kosa kata sesuatu bahasa dapat mengukur kecemerlangan bahasa seseorang individu. Kekurangan penguasaan kosa kata memberi impak kepada keupayaan menguasai empat kemahiran bahasa, iaitu menulis, membaca, bertutur dan mendengar. Kajian ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan saiz kosa kata Arab di Malaysia yang merangkumi kajian konsep, strategi dan penguasaan terhadap kosa kata Arab itu sendiri. Kajian ini merupakan kajian literatur melalui analisis kandungan dan diuraikan secara deskriptif. Dapatkan kajian mendapati bahawa pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan saiz kosa kata. Saiz kosa kata ini sangat berkait rapat dengan strategi pembelajaran bahasa dan juga terhadap kemahiran bahasa. Bagi menguasai saiz kosa kata yang banyak, pelajar perlu mempunyai strategi untuk menambahkan saiz kosa kata, seterusnya mereka akan dapat menguasai kemahiran berbahasa. Oleh itu, pembelajaran yang sistematik mengikut aturan yang ditetapkan dapat memudahkan pelajar menguasai kemahiran berbahasa..

Kata Kunci

Kosa kata, saiz kosa kata, ujian kosa kata, strategi pembelajaran kosa kata

Abstract

The lexicon has a special position in the context of language proficiency and is an aspect that should be given attention and is dominated by every student if we want to produce a generation that have the means to communicate orally or in writing. Vocabulary is an essential element in the teaching and learning of language regardless of the native language nor the second language. A lot of methods that can be used in identifying the vocabulary words. The more mastery the amount of vocabulary or mastering the size of the vocabulary of a language is able to measure the excellence of the language of an individual. The lack of mastery of vocabulary impacts on the ability of the master the four language skills, namely writing, reading, speaking and listening. This study aims to discuss previous studies related to the size of the vocabulary is Arabic in Malaysia which includes the study of concept, strategy and mastery of the vocabulary of the Arabic itself. This study is a literature review through content analysis and described descriptively. Findings the study found that teaching and learning the Arabic language has a relationship is very significant with the size of the vocabulary. The size of the vocabulary is very closely related to language learning strategies and also against the skills of the language. In order to capture the size of the vocabulary that a lot, students need to have a strategy

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Hakim Zainal, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: haza@ukm.edu.my

to increase the size of the vocabulary, next they will be able to master the skills of speaking. Therefore, systematic learning according to the rule set is able to facilitate students to master speaking skills..

Keywords:

Vocabulary; Vocabulary Size, Vocabulary Test, Vocabulary Learning Strategies

Cite This Article:

Azlia Cahyani Ngalawi & Hakim Zainal. 2020. Kajian literatur saiz kosa kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 157-169.

Pengenalan

Perkara asas dalam pembelajaran sesuatu bahasa sama ada bahasa ibunda mahupun bahasa asing adalah penguasaan terhadap kosa kata tersebut (Murcia, 2007). Menurut Mat Taib (2006), aspek yang paling penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah aspek kosa kata. Aspek kosa kata ini merupakan unsur yang paling utama dalam mana-mana pembelajaran bahasa. Justeru, kosa kata ini atau dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *mufradat* perlu diletakkan pada kedudukan yang tinggi yang perlu dikuasai pelajar dalam silibus-silibus pembelajaran bahasa (Khatijah & Hakim, 2018). Harun (2014) juga berpendapat bahawa dengan menguasai lebih banyak jumlah kosa kata atau menguasai saiz kosa kata sesuatu bahasa dapat mengukur kecemerlangan bahasa seseorang individu. Hal ini sejajar dengan pandangan Gu (1998), Harun & Zawawi (2014), Zainur et al. (2015) dan Abdul Razif et al. (2016) yang berpandangan bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa mempunyai hubungan yang sangat rapat dan saling berkait antara satu sama lain. Zainur et al. (2015) menambah bahawa sekiranya ingin mempelajari sesuatu bahasa, tidak kira bahasa pertama mahupun bahasa kedua, memiliki saiz kosa kata yang luas merupakan faktor penting dalam penguasaan bahasa secara umumnya. Hal ini demikian kerana, bagi memudahkan pelajar mengikuti pengajian akademik ke peringkat yang lebih tinggi, memiliki dan menguasai kosa kata ini amat penting dalam memantapkan empat kemahiran asas berbahasa iaitu menulis, membaca, mendengar dan bertutur (Zainur & Rosni, 2018). Dalam kemahiran bahasa, peranan kosa kata adalah sebagai penyokong penggunaannya. Pujol (2008) menyatakan ujian merupakan salah satu instrumen yang boleh diguna pakai untuk mengukur saiz kosa kata yang dimiliki seseorang (Nurain & Norhayuza, 2018).

Penyataan Masalah

Aspek saiz kosa kata adalah satu dimensi ilmu kosa kata yang kerap disentuh dalam menilai kebolehan berbahasa seseorang. Menurut Harun dan Zawawi (2014), dalam pembelajaran bahasa Arab amat sedikit perbahasan mengenai saiz kosa kata dibincangkan. Kebanyakan kajian mengenai kosa kata Arab lebih memfokuskan kepada aspek penguasaan terhadap pengetahuan kosa kata Arab. Ia juga menjadi satu daripada objektif sukatan pelajaran bahasa Arab iaitu dengan menyasarkan penguasaan pelajar terhadap saiz kosa kata dengan jumlah

tertentu di samping menguasai pengetahuan kosa kata. Kebanyakan sarjana menilai elemen saiz kosa kata hanya dengan menguji berdasarkan penguasaan pelajar dalam kemahiran bahasa secara umum. Bukan itu sahaja, Harun dan Zawawi (2014) juga menyatakan bahawa aspek saiz kosa kata bahasa Arab di Malaysia tidak diberi penekanan secara empirikal. Pengkaji berpendapat bahawa perbincangan mengenai penguasaan kepenggunaan kosa kata dan pendekatan implisit lebih diutamakan ketika itu. Menurut Tu‘aymah (2006) dalam kajian Harun & Zawawi (2014) jelas menyatakan penguasaan kosa kata bukan dilihat dari segi penghafalan kosa kata, namun ia banyak dilihat dari aspek cara penggunaan kosa kata di tempat yang betul. Oleh yang demikian pengkaji menganggap aspek saiz kosa kata perlu diambil pendekatan yang lebih serius kerana isu saiz merupakan satu aspek kritikal yang perlu diberi perhatian. Situasi ini agak berbeza dengan perkembangan bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris yang menjadikan aspek kosa kata antara elemen utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa seiring dengan aspek-aspek bahasa yang lain. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu berkaitan saiz kosa kata yang merangkumi konsep dan strategi pembelajaran kosa kata itu sendiri selain kajian korelasi yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu berkaitan saiz kosa kata dengan kemahiran bahasa.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti kajian kosa kata Arab yang telah dilakukan oleh para penyelidik terdahulu.
2. Mengkategorikan kajian-kajian lepas berkaitan kosa kata Arab.

Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode kajian literatur. Pengumpulan data yang dilakukan adalah secara analisis kandungan yang diambil daripada penulisan artikel, jurnal, buku ilmiah dan disertasi. Data yang telah terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

Sorotan Literatur

Kosa kata dikatakan sebagai teras dalam pembelajaran bahasa. Pembelajaran kosa kata yang berjaya dilihat daripada sejauh mana penguasaan pelajar terhadap saiz dan kefahaman yang mendalam terhadap kosa kata. Ia memerlukan strategi yang sesuai dan efektif bagi mencapai penguasaan tersebut berdasarkan ciri-ciri bahasa tersebut. Dalam sorotan literatur ini, perbincangan adalah berdasarkan sub-sub topik berikut:

Kajian Penentuan Tahap Saiz Kosa Kata

Menurut Nation (2001), saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa merujuk kepada bilangan atau jumlah perkataan yang diketahui oleh seseorang pelajar melalui suatu tahap kecekapan bahasa yang tertentu (Nation, 2001; Harun & Zawawi, 2014). Individu yang ingin mempertingkatkan pengetahuan bahasa perlu mempunyai saiz kosa kata yang besar dalam bahasa tersebut kerana ia dianggap sebagai penanda aras dalam menentukan tahap penguasaan individu dalam kemahiran bahasa (Nation, 2001). Bukan itu sahaja, saiz kosa kata ini merupakan stok atau himpunan perkataan asas yang dikuasai pelajar untuk digunakan dalam pelbagai situasi bahasa dikenali sebagai leksikon dan berperanan membentuk sistem leksikalnya (Nathesan, 2011; Abdul Razif & Mohd Zaki, 2017).

Banyak kajian mendapati bahawa terdapat saiz kosa kata tertentu yang perlu dikuasai oleh pelajar bagi membantu mereka menggunakan bahasa tersebut dengan baik yang dikaitkan dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Staehr, 2009; Llach & Gallego, 2009). Razif dan Zaki (2017) mengkaji hubungan saiz kosa kata bahasa Arab dengan kemahiran bertutur terhadap pelajar sarjana muda pengajian Islam dan bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia (KUIS). Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk korelasi dalam kajiannya bagi menentukan hubungan antara kedua boleh ubah iaitu saiz kosa kata dan kemahiran bertutur. Pengkaji mendapati bahawa saiz kosa kata yang dikuasai oleh pelajar berada di bawah had penguasaan minimum iaitu 2,000 patah kata. Data statistik yang diperoleh menunjukkan bahawa jumlah atau saiz kosa kata yang dikuasai oleh pelajar-pelajar Melayu secara purata berada dalam lingkungan 1,231 perkataan. Razif & Zaki (2017) juga berpendapat bahawa pelajar kurang berkemampuan untuk mencapai had kecekapan umum bahasa jika jumlah kata yang dikuasai berada di bawah paras minimum yang telah ditetapkan.

Para sarjana berpendapat bagi menguasai sesuatu bahasa tersebut, setiap pelajar harus menguasai sejumlah kosa kata bagi setiap peringkat iaitu peringkat rendah, menengah dan universiti. Menurut Anderson dan Nagy (1993), seorang pelajar sekolah menengah seharusnya mempelajari antara 2,000 hingga 3,000 patah kata umum baru setiap tahun bagi menguasai subjek yang dipelajari pada peringkat tersebut. Manakala, Liu Na dan Paul Nation (1985) menyatakan sebanyak 3000 perkataan asas mesti dikuasai oleh pelajar pada peringkat universiti dalam bidang tertentu (Zainur & Rosni, 2018). Para sarjana juga berpendapat bahawa penguasaan saiz kosa kata ada kaitannya dengan situasi pelajar iaitu pembelajarannya sebagai bahasa pertama atau kedua. Menurut Goulden Nation & Read (1990), bagi pembelajaran bahasa pertama, pelajar secara puratanya perlu menguasai dan memiliki antara 12,000 hingga 20,000 patah kata. Jumlah yang besar ini adalah berdasarkan pengalaman dan penggunaan bahasa seharian semenjak dilahirkan dan tahap kemampuan seseorang penutur jati dalam penerimaan bahasa, kemudian dikukuhkan lagi secara rasmi dalam proses pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti dalam pemerolehan kosa kata yang baru (Zainur & Rosni, 2018).

Curmin (1976) mengatakan, satu ketetapan mengenai tahap penguasaan kosa kata perlu dicapai agar pelajar itu mendapat manfaat daripada pengajaran dalam medium bahasa kedua. Persoalan, berapa banyak perkataan teras yang perlu dipelajari dalam pembelajaran kosa kata secara implisit adalah bergantung pada jenis teks dan bagaimana pelajar itu memahami konteks perkataan baharu itu. Selain itu, terdapat beberapa tahap kosa kata juga menjadi faktor kepada

persoalan saiz kosa kata. Nation & Gu (2007) telah membuat perbezaan empat tahap kosa kata yang mana setiap tahap memerlukan pembelajaran dan masa yang berbeza untuk menguasainya, iaitu (1) kosa kata kekerapan tinggi, (2) kosa kata akademik, (3) kosa kata kekerapan rendah dan (4) kosa kata teknikal. Kosa kata kekerapan tinggi merupakan jenis tahap yang lazim digunakan dalam pembelajaran serta penyelidikan kosa kata. Penguasaan terhadap kosa kata kekerapan tinggi juga kerap dijadikan sebagai ukuran untuk mengetahui saiz kosa kata seseorang (Nation& Macalister, 2010).

Nation (2001) membahagikan kosa kata berdasarkan kekerapan dan dimensi komunikatif yang membezakan antara kosa kata kekerapan tinggi, akademik, teknikal dan kekerapan rendah. Bagi penguasaan kosa kata kekerapan tinggi yang perlu diketahui oleh seorang pelajar, saiz kosa kata yang diperlukan dalam anggaran 3,000-5,000 perkataan. Menurut Laufer (1998), pelajar sekolah tinggi memerlukan saiz antara 3,500-4,000 perkataan. Manakala, dalam kajian beliau yang lain menyebutkan bahawa pelajar memerlukan sejumlah minimum 3,000 perkataan dan sejumlah maksimum 5,000 perkataan untuk memudahkan proses kemahiran membaca. Berdasarkan beberapa pandangan ini, saiz perkataan yang diperlukan dalam menguasai bahasa Inggeris dalam anggaran 3,000 hingga 5,000 patah perkataan.

Demikian juga halnya dengan saiz kosa kata bahasa Arab, sebahagian pakar mencadangkan bahawa pelajar di peringkat rendah perlu menguasai kosa kata sebanyak 750 sehingga 1,000 patah perkataan, di peringkat menengah pula perlu dikuasai sebanyak 1,000 sehingga 1,500 patah perkataan dan manakala di peringkat tinggi pula pelajar perlu menguasai sebanyak 1,500 sehingga 2,000 patah perkataan (Tu‘aymah, 1986). Mat Taib (2006) pula membahagikan keperluan kosa kata kepada tiga peringkat iaitu 1,000 hingga 1,500 perkataan di peringkat permulaan, 1,500 hingga 2,500 perkataan bagi peringkat kedua dan 2,500 hingga 3,500 perkataan bagi peringkat ketiga. Al-Batal (2006) pula menganggarkan bahawa jumlah kosa kata yang diperlukan untuk mencapai tahap kecekapan tinggi memerlukan sebanyak 3,000 hingga 3,500 perkataan. Jumlah kosa kata sedemikian sudah memadai memandangkan pelajar perlu memanfaatkan penggunaan kamus dan pengetahuan morfologi dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab (Tu‘aymah, 1986; al-Batal, 2006).

Jumlah yang dinyatakan oleh para sarjana iaitu dalam lingkungan 2,000 hingga 5,000 patah perkataan ini adalah realistik bagi pembelajaran bahasa kedua memandangkan pelajar bukan penutur jati dianggap telah kehilangan faktor utama pembelajaran bahasa secara semula jadi berbanding penutur jati (Abdul Razif & Mohd. Zaki, 2017). Namun demikian, bagi pelajar bukan penutur jati atau bahasa kedua, jumlah dan kriteria ini sukar dicapai kerana elemen pemerolehan bahasa secara semula jadi tidak dilalui oleh mereka, bahkan pembelajaran bahasa kedua ini mempunyai objektif pembelajaran yang berbeza dengan bahasa pertama. Menurut Danilovic & Grujic (2014) dalam Zainur & Rosni (2018), terdapat perbezaan pembelajaran bahasa bagi penutur jati dan bukan penutur jati dari segi objektif pembelajaran itu sendiri serta peluang komunikasi dan *input* bahasa yang juga berbeza. Oleh itu, pemilihan kosa kata yang betul perlu dititikberatkan sebagai jalan pintas bagi mempercepatkan proses pembelajaran bahasa kedua.

Kajian Kaedah Penentuan Tahap Saiz Kosa Kata

Kajian Nurain & Norhayuza (2018) membincangkan saiz kosa kata dalam pembelajaran bahasa Arab secara konseptual. Kajian ini menjelaskan lebih terperinci mengenai definisi kosa kata dan saiz kosa kata selain menerangkan bagaimana untuk menentukan saiz kosa kata yang dimiliki oleh seseorang pelajar atau penutur dalam sesuatu bahasa. Kajian membincangkan kaedah penentuan saiz kosa kata ini boleh dilakukan dengan dua ujian iaitu (1) ujian terhadap kosa kata reseptif iaitu ujian EVST (*Eurocentres Vocabulary Size Test*), VLT (*Vocabulary Level Test*), dan VKS (*Vocabulary Knowledge Scale*) manakala (2) ujian terhadap kosa kata produktif pula menggunakan EVT (*Expressive Vocabulary Test*) dan PVLT (*Productive Vocabulary Test*). Kedua-dua ujian ini boleh dijadikan rujukan bagi pengkaji dan penyelidik yang lain yang ingin membuat kajian kuantitatif. Nurain & Norhayuza (2018) menerangkan bahawa kebanyakan penyelidik banyak menggunakan ujian VLT (*Vocabulary Level Test*) bagi menentukan saiz kosa kata seseorang pelajar kerana ia mudah digunakan, senang difahami dan mampu menghasilkan keputusan yang memiliki tahap kebolehpercayaan yang baik. Selain itu, Nurain & Norhayuza (2018) ada menerangkan tentang asas-asas pengiraan kosa kata dalam suatu penulisan ataupun teks. Menurut mereka, sebelum menerapkan pendekatan saintifik dalam pengukuran saiz kosa kata, pengiraan kosa kata perlu diteliti dengan mengambil kira beberapa istilah yang telah ditentukan dan dikemukakan oleh Nation (2001) dan Read (2000), antaranya token (*tokens*), jenis (*type*), lemma (*lemmas*) dan keluarga perkataan (*word families*). Harun et al. (2017), telah melakukan kajian rintis dalam menentukan kaedah ujian tahap saiz kosa kata yang sesuai digunakan dan mempunyai ciri psikometri kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Proses penentuan ujian yang dilakukan oleh beliau ini dilaksanakan secara empirikal. Penyelidik menggunakan sampel perkataan daripada Senarai Kekerapan Kosa Kata Landau (1959) dan dirujuk menggunakan Senarai Kosa Kata Abdul Rahman (1994) untuk kesesuaian pelajar Asia Tenggara, kemudian disaring melalui perspektif penggunaan dalam pembelajaran melalui buku teks yang digunakan di peringkat persekolahan. Setelah itu, Proses keboleh percayaan dan kesahan dilaksanakan dan dapatkan membuktikan bahawa ujian saiz kosa kata Arab yang telah dibina dan dimurnikan ini memenuhi kriteria psikometri kebolehpercayaan dan kesahan. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi ini menunjukkan bahawa ujian tersebut dapat mengukur secara konsisten penguasaan saiz kosa kata seseorang pelajar.

Kajian Strategi Pembelajaran Kosa Kata

Kajian-kajian yang meneliti hubungan penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dengan penguasaan bahasa mendapati hubungan yang signifikan di antara keduanya (O'Malley, Chamot, Stewner, Russo & Kupper, 1985; Gu & Johnson 1996; Kojic-Sabo & Lightbown, 1999; Tseng & Schmitt 2008). Hasilnya strategi pembelajaran bahasa menjadi salah satu bidang penyelidikan yang berkembang subur dan banyak karya yang berkaitan dengannya telah diterbitkan (Zaki et al., 2016). Menurut Afandi et al. (2019), yang mendapati bahawa keimbangan bahasa yang dialami oleh pelajar mempengaruhi pencapaian bahasa mereka. Oleh itu, beberapa strategi dalam pedagogi perlu dilaksanakan bagi meminimumkan tahap keimbangan bahasa dan meningkatkan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam masa

yang sama (Afandi et al., 2019). Walau bagaimanapun perhatian terhadap strategi pembelajaran kosa kata masih berkurangan (Schmitt, 1997). Penggunaan strategi pembelajaran kosa kata yang berkesan bukan sahaja dapat membantu pelajar memperoleh kosa kata baharu, bahkan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa mereka (Zaki et al., 2016).

Menurut Zaki et al. (2016), penyelidikan berkaitan strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab di Malaysia lebih bersifat kajian penerokaan. Dapatkan beberapa kajian Alhashemi & Mahmoud (2012), Hanan & Rabiatul (2014) serta Harun & Zawawi (2014), menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pelbagai strategi semasa mempelajari kosa kata bahasa Arab. Alhashemi & Mahmoud (2012) mengkaji penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar tahun pertama universiti di Malaysia dan mendapati pelajar telah menggunakan 5 strategi di mana penggunaan kamus antara strategi yang paling kerap digunakan oleh pelajar. Manakala, Harun & Zawawi (2014) mendapati 18 strategi telah digunakan oleh 742 pelajar pra universiti dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab di mana pelajar menggunakan strategi keazaman dengan kekerapan paling tinggi berbanding strategi lain sedangkan strategi kognitif pula merupakan strategi yang paling kurang dioptimumkan. Kajian Hanan & Rabiatul (2014) pula mengenai penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa Arab Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak menggunakan strategi terjemahan. Menurut Zaki et al. (2016) tahap pengetahuan pelajar terhadap strategi pembelajaran mempengaruhi cara mereka memilih dan menggunakan sesuatu strategi.

Selain itu, Rabiatul Aribah et al. (2014) mengkaji perbezaan antara strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh pelajar jurusan bahasa Arab dengan pelajar yang bukan pengkhususan bahasa Arab. Penterjemahan perkataan kepada bahasa ibunda merupakan strategi kosa kata yang kerap digunakan oleh pelajar dalam bentuk formal. Manakala pelajar akan merujuk kamus sebagai inisiatif kendiri untuk mengetahui perkataan baru. Kemudian, pelajar menggunakan pendekatan strategi spontan dengan menggunakan perkataan sendiri dalam bahasa asing jika mereka terlupa perkataan bahasa Arab dalam perbualan. Melalui dapatkan ini, ia menunjukkan tiada perbezaan yang ketara terhadap strategi yang digunakan oleh pelajar jurusan bahasa Arab dengan pelajar bukan jurusan bahasa Arab.

Dalam kajian Harun & Maimun (2015) yang bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran kosa kata dengan tahap penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama SMKA dan SABK. Kajian mereka mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi pembelajaran kosa kata (SPK) dan saiz kosa kata bahasa Arab secara keseluruhan. Pelajar yang kerap menggunakan strategi pembelajaran kosa kata Arab dalam pembelajaran bahasa dalam kelas akan lebih mudah untuk menguasai kosa kata dan dapat menambahkan saiz kosa kata sedia ada pelajar. Kajian ini disokong dengan beberapa kajian lain seperti Curtis (1987) yang melaporkan bahawa penggunaan SPK secara langsung dapat mempengaruhi saiz kosa kata pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh Zaki et al. (2016) mempunyai kelainan daripada kajian-kajian yang lepas di mana objektif kajiannya adalah untuk meneroka bentuk strategi yang digunakan oleh pelajar Melayu ketika mempelajari kosa kata baharu berimbuhan bahasa Arab. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar menggunakan pelbagai pola strategi pembelajaran kosa kata ketika belajar kosa kata baharu berimbuhan bahasa Arab. Bagi mempelajari kosa kata berimbuhan

yang baharu, strategi penentuan merupakan strategi yang paling tinggi kekerapan penggunaan, Manakala strategi penentuan dan sosial paling banyak digunakan oleh pelajar untuk mengenalpasti makna kosa kata berimbuhan. Strategi kognitif merupakan strategi yang paling banyak digunakan untuk memantapkan penguasaan makna kosa kata dan strategi memori merupakan pilihan kedua yang digunakan oleh pelajar. Walaupun begitu, menurut Zaki et al. (2016), pelajar lebih cenderung kepada strategi untuk mencari dan mengenal pasti makna berbanding strategi untuk memantapkan penguasaan dan penyimpanan makna ke dalam sistem ingatan. Oleh itu, penyelidik merumuskan bahawa tahap penggunaan strategi dalam kalangan pelajar adalah rendah.

Dalam kajian Siti Rohani (2020) menyatakan pendekatan kreatif dapat memberi impak yang maksimum terhadap aspek kognitif dan pencapaian pelajar. Bukan itu sahaja, persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dapat menarik minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari kosa kata Arab secara santai dan menyeronokkan. Tambahan pula, kerisauan dan tanggapan negatif pelajar terhadap bahasa Arab juga dapat dikurangkan dengan memasukkan elemen-elemen yang berunsurkan amali dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab.

Pelbagai pendekatan dan strategi telah diperkenalkan oleh para penyelidik ke arah menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dalam menguasai kosa kata. Menurut Harun & Zawawi (2014), pelajar yang memiliki saiz kosa kata yang rendah cenderung untuk menggunakan strategi yang mudah, bersifat segera dan langsung kepada makna. Pelajar yang memiliki saiz kosa kata yang rendah tidak mampu dan tidak sesuai menggunakan beberapa strategi pembelajaran seperti meneka makna berdasarkan konteks serta strategi yang melibatkan kemahiran menulis dan bertutur. Pendekatan implisit dan eksplisit dalam P&P kosa kata juga perlu ditentukan berdasarkan penguasaan pelajar dalam aspek ini (Harun & Zawawi, 2014). Siti Aisyah (2017) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara strategi pembelajaran kosa kata dengan saiz kosa kata reseptif pelajar.

Pembangunan satu kaedah yang dapat membantu pelajar membangunkan kosa kata pada waktu persekolahan dan juga luar waktu persekolahan perlu dibina bagi mengatasi kekangan masa guru untuk mengajar kosa kata secara langsung. Menurut Zaki et al. (2016), pelajar perlu melaksanakan pembelajaran arahan kendiri untuk berjaya dalam pembelajaran kosa kata. Ini adalah disebabkan kerana mereka tidak akan sentiasa ditemani oleh guru sebagai pembimbing sepanjang masa pembelajaran. Oleh itu, penggunaan strategi dalam pembelajaran kosa kata merupakan kaedah yang boleh membantu pelajar untuk menguasai kosa kata dengan lebih berkesan. Tegasnya, strategi pembelajaran merupakan satu pendekatan untuk memudahkan pembelajaran kosa kata yang perlu dilaksanakan dan dikuasai oleh pelajar.

Kajian Kosa Kata Dengan Kemahiran Bahasa

Menurut Gu (1998), sebahagian besar kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan saiz kosa kata berkait rapat dengan penguasaan bahasa. Curtis (2006) juga menyatakan dengan menguasai kuantiti kosa kata yang besar, pelajar lebih mudah memperoleh sesuatu yang baharu dan menghadapi proses pembelajaran bahasa (Harun & Zawawi, 2014). Hal ini demikian, memandangkan saiz kosa kata berkait rapat dengan kemampuan dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan kemahiran umum berbahasa serta mempengaruhi pencapaian akademik

(Saville-Troike, 1984; Laufer, 1997; Stehr, 2008). Bukan itu sahaja, Khatijah & Hakim (2018) juga berpendapat, penelitian aspek kosa kata sering dihubungkaitkan dengan kemahiran bahasa. Pernyataan di atas ini dapat membuktikan bahawa penguasaan kosa kata merupakan asas kepada kemahiran bahasa ini. Hal ini dapat dikukuhkan lagi daripada dapatan kajian (Harun 2014) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai penguasaan saiz kosa kata yang rendah dan lemah tidak akan mampu menggunakan dan mengaplikasikan strategi pembelajaran yang melibatkan kemahiran bahasa, tertutamanya kemahiran bertutur dan menulis. Penguasaan terhadap saiz kosa kata dapat memantapkan kemahiran berbahasa seseorang individu terutama dalam kemahiran komunikasi. Kelemahan pelajar dalam menguasai kosa kata ini bukan sahaja menyebabkan kemahiran komunikasi berada pada tahap yang membimbangkan, namun ketiga-tiga kemahiran yang lain turut merasai nasib yang sama iaitu kemahiran membaca, mendengar dan juga menulis. Pelajar akan mengalami kesukaran dalam proses pembacaan suatu penulisan kerana kesukaran dalam memahami makna perkataan dan cara mengeluarkan bunyi yang betul. Begitu juga dalam proses mendengar dan menulis, pelajar akan mengalami nasib yang sama kerana tidak dapat memahami apa yang didengari dan sukar untuk mengarang suatu penulisan. Dalam dapatan kajian yang dilakukan oleh Abdul Razif (2015), menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dengan kemahiran bertutur. Bukan itu sahaja, kajian yang telah dilakukan ini juga mendapati bahawa saiz kosa kata memainkan peranan yang penting dalam konteks penghasilan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Razif (2015) membuktikan saiz kosa kata mempunyai hubungan dengan kemahiran bertutur. Kajian ini boleh dijadikan petunjuk betapa wujudnya hubungan saiz kosa kata dengan kemahiran berbahasa yang lain seperti kemahiran mendengar, menulis dan membaca serta dapat mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Abdul Razif (2015) mengkaji saiz kosa kata reseptif dalam kalangan pelajar Melayu yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab di peringkat kolej universiti serta kaitannya dengan kecekapan lisan pelajar. Penyelidik menggunakan ujian VLT (*Vocabulary Level Test*) oleh Nation (2001). Aplikasi ujian ini digunakan untuk menentukan saiz kosa kata reseptif pelajar. Manakala, SOPI (*Simulated Oral Proficiency Interview*) pula digunakan untuk melihat sejauh mana kosa kata yang dimiliki oleh pelajar mempunyai kaitan dengan aktiviti pertuturan mereka.

Penelitian aspek kosa kata sering dihubungkaitkan dengan kemahiran bahasa. Dapatan kajian Abdul Razif (2015) menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dengan kemahiran bertutur. Manakala, Amal Hayati (2016) turut menyatakan penguasaan kosa kata mempunyai hubungan dengan kemahiran pemahaman bacaan teks. Selain itu, dapatan kajian Nik Mahfuzah (2012) juga menyatakan kemahiran mendengar leksis bahasa Arab adalah pada tahap yang lemah kerana kurang penguasaan aspek kosa kata. Begitu juga, dapatan kajian Rosni (2012) menunjukkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lemah membina ayat sendiri atas faktor kurang menguasai kosa kata (Khatijah & Hakim, 2018).

Dalam aspek penulisan pula, unsur perkataan atau kosa kata Arab juga dapat mempengaruhi idea untuk menulis dalam bahasa yang ingin disampaikan. Penekanan terhadap perkataan atau kosa kata dalam kemahiran menulis perlu diambil kira. Perbendaharaan kata yang cukup dapat membantu pelajar untuk menulis dengan baik dan berkesan. Kajian Zahri & Haron (2016) mendapati kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah berada pada

tahap yang lemah. Keadaan ini berpunca daripada aspek kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab. Lantaran itu, penyelidik mencadangkan agar latihan yang melibatkan pengayaan kosa kata Arab dan kaedah tatabahasa diperaktikkan dalam struktur binaan ayat yang lengkap dan difahami.

Menurut Siti Aisyah (2017), penyelidikan kosa kata bahasa Arab di Malaysia kurang menyentuh aspek saiz sama ada berbentuk reseptif mahupun produktif serta hubungannya dengan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar pada peringkat universiti khususnya. Kajian penulisan bahasa Arab bagi melihat hubungan dengan elemen bahasa yang lain seperti kosa kata turut dijalankan melalui kajian Siti Aishah dan Zamri (2015). Kajian ini menganalisis hubungan saiz kosa kata reseptif bahasa Arab dengan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar dalam kalangan pelajar prasiswazah di UKM. Hasil dapatan menunjukkan saiz kosa kata reseptif bahasa Arab pelajar adalah sebanyak 1,929 perkataan daripada 3,000 patah kata. Manakala hubungan antara saiz kosa kata reseptif bahasa Arab bagi ketiga-tiga tahap kemahiran menulis pelajar adalah kukuh. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Che Radiah et al. (2017) penguasaan kosa kata yang luas menyumbang ke arah pembentukan karangan yang baik dan sempurna. Kajian Norhafizah (2014) dan Habibah (2016) mendapati kekurangan penguasaan kosa kata bahasa Arab menjadi halangan kepada pelajar dalam pembelajaran *Insya'*.

Kesimpulan

Pembelajaran kosa kata merupakan salah satu cabaran terbesar dalam pembelajaran bahasa kedua. Hal ini demikian kerana mereka perlu menguasai sejumlah besar kosa kata untuk berjaya dalam pembelajaran. Bukan itu sahaja, saiz kosa kata juga telah dibuktikan mempunyai hubungan yang kukuh dengan bahasa secara keseluruhannya. Saiz kosa kata juga didapati berkorelasi dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan juga menulis. Penguasaan kosa kata merupakan tunggak dalam sesbuah karangan dan aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa lebih-lebih lagi dalam kemahiran mengarang atau penulisan.

Banyak kajian menyatakan saiz kosa kata dianggap sebagai penanda aras dan peramal yang efektif dalam menentukan tahap kecekapan individu dalam kemahiran-kemahiran tersebut. Dalam konteks pertuturan, saiz kosa kata turut dilaporkan mempunyai hubungan dengan kemahiran ini di pelbagai peringkat, sangat diperlukan dalam komunikasi dan proses ini tidak mungkin berlaku tanpa kewujudan kata .

Penyelidikan saiz kosa kata dapat memberi implikasi positif terhadap perkembangan kemahiran berbahasa seterusnya mampu menjadi faktor penyumbang ke arah penambahbaikan silibus pembelajaran bahasa Arab. Dengan adanya penyelidikan berkaitan ini dapat dijadikan rujukan oleh para pengkaji supaya dapat memperkasakan lagi pembelajaran kosa kata Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Karim, M., & Husaini, M. (2017). Tahap penguasaan penulisan karangan bahasa arab dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(3): 24-38. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/APOJAS/article/view/9806>
- Abdul Razif Zaini. (2015). Penggunaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Kolej Universiti. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Abdul Razif Zaini & Mohd Zaki Abd Rahman. (2017). Saiz kosa kata bahasa arab dan hubungannya dengan kemahiran bertutur. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1): 220-228.
- Abdul Razif Zaini, Khirulnizam Abd Rahman, Muhammad Haron Husaini, Khairil Ashraf Elias, Saifulah Samsudin & Mohd Zaki Abd Rahman. (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016, (IRSYAD2016)*. Shah Alam, 10 Mei 2016.
- Afandi Yusoff, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Harun Baharuddin.(2019). Kebimbangan bahasa dan hubungannya dengan pencapaian dalam bahasa Arab (Language anxiety and its relationship with achievement in Arabic language). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(2): 1-9. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.02-01>
- Alhashemi, A., & Mahmoud, A. (2012). Vocabulary learning strategies used by learners of arabic as a foreign language in the University Of Islamic Sciences In Malaysia and their beliefs about vocabulary. *Journal of Educational Sciences*, 8(2): 105-117.
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohammad dan Mohd Zaki Abd Rahman. (2017). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit UPM Press.
- Habibah Mat Rejab. (2016). Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran *Insya'* Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Harun Baharudin & Maimun Aqsha Lubis . (2015). *Prosiding Asean Comparative Education Research Conference (ACER-N 2015)*: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 1535-1544.
- Harun, B. & Zawawi, I. (2014). *Aspek Saiz Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*, Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia & Majlis Ugama Islam Sabah.
- Baharudin, H., Ismail, Z., & Nik Yusoff, N. (2017). Pembinaan ujian tahap saiz kosa kata arab (The construction exam level size of arabic vocabulary). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 42(1): 13-19. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/19591>
- Harun, B. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. University of Malaya.

- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. (2014). Vocabulary learning strategies and arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia. *International Education Studies* 7(13): 219-226.
- Harun, B. & Zawawi, I. (2015). Learning strategies of arabic language vocabulary for pre-university students' in Malaysia. *Asian Social Science* 11(10): 32-38.
- Khatijah Md Khatib & Hakim Zainal. (2018). Penguasaan kata nama dan kata kerja arab dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 69-79.
- Llach, M.P.A. & Gallego, M.T. (2009). Examining the relationship between receptive vocabulary size and written skills of primary school learners. *Atlantis*, 31(1), 129-147.
- Mat Taib Pa. (2006). *Dasar-Dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Dlm. Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (Pnyt.). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha & Nurazan M. Rouyan.(2016). Strategi pembelajaran kosa kata berimbuhan bahasa arab (Strategies for learning arabic vocabulary with affixes). *Malaysian Journal of Learning and Instruction*: 13 (2016): 113-133.
- Murcia, U. (2007). Research on Second Vocabulary Acquisition and Learning. *IJES*, 2(7), vii-xvi.
- Nation, P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge: Cambridge.
- Nathesan.S. (2011). *Leksikon: Kosa Kata Bahasa*. Dewan Bahasa, 11(8). Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nik Hanan Mustapha & Rabiatul Aribah Muhd Isa@Omar. (2014). Arabic vocabulary learning strategies among non-native speakers: a case of IIUM. *GJAT*, 4(2), 125-133.
- Norhayuza Mohamad. (2006). *Penggunaan Strategi Pemetaan Dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Hafizah binti Abd Aziz.(2015). *Penggunaan Imitasi dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti*. Universiti Malaya
- Nurain Syafina binti Husaini & Norhayuza binti Mohamad.(2018). *Penentuan Saiz Kosa Kata Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. The 4th International Conference on Issues In Language Teaching And Learning Amongst Non-Native Speakers (ILANNS 2018).
- Rabiatul Aribah Muhd Isa, Nik Hanan Mustapha, Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Vocabulary learning strategies: Differences between arabic and non-Arabic majoring students at the International Islamic University Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research* 20 (Language for Communication and Learning)21: 28-32. [https://www.idosi.org/mejsr/mejsr20\(lcl\)14/4.pdf](https://www.idosi.org/mejsr/mejsr20(lcl)14/4.pdf)
- Read, J. (2000). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Rosni bin Samah. (2012). Pembinaan ayat bahasa arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(2): 555- 569.
- Siti Aisyah Ishak@Isah. (2017). *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Kemahiran Menulis dalam Kalangan Pelajar Prasiswazah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Ahmad & Hakim Zainal. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1):010-021.
- Stæhr, L. S. (2009). *Vocabulary Knowledge and Advanced Listening Comprehension in English as a Foreign Language*. Studies in Second Language Acquisition, 31: 577-6-7.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah.(2018). Saiz kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 2018 8(2): 61-70.